

FASA 2
STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI
PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : INNOVATION LEARNING CENTRE (*IBNU HAITHAM*)
FUNGSI : *BLOK AND PUZZLE*
TAJUK : RODA SISTEM SURIA

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti.
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 6.3.4	Membuat pelbagai binaan yang kukuh dan stabil menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti.
3	STREAM	S	Mengkaji peredaran dan arah peredaran planet (arah lawan jam) di dalam orbit yang tetap, konsep gerakan membulat roda.
		T	Bateri dan mentol
		R	Tuhan telah menetapkan laluan atau orbit bagi setiap planet dalam sistem suria.
		E	Membina model sistem suria menggunakan gabungan pelbagai bahan binaan.
		A	Mewarna dan menghias model sistem suria.
		M	Konsep bentuk, ruang, saiz, konsep nombor dan membilang objek.
4	OBJEKTIF	Kanak-kanak dapat membina model sistem suria.	
5	BBM	Carta sistem suria, rim basikal, lapan bebola polistrin pelbagai saiz (dua besar, dua sedang, empat kecil) pewarna air, berus warna, spray hitam, <i>cable tie</i> , lidi sate, label nama-nama planet, mentol yang menggunakan bateri, pelekat, pinggan kertas, kad imbas planet (Utarid, Zuhrah, Bumi, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus, Neptun)	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, hormat-menghormati, bertolak ansur, sabar.	

7

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Guru bertanya kepada kanak-kanak tentang sistem suria.

Contoh soalan:

- i. Apakah pusat sistem suria kita?
- ii. Bagaimanakah planet bergerak mengelilingi matahari?
- iii. Berapa lamakah tempoh bumi mengelilingi matahari?
- iv. Apakah nama planet-planet lain selain bumi?

2. Guru menerapkan langkah-langkah pembuatan model roda solar kepada kanak-kanak.

Langkah-langkah membuat roda solar:

- i. Mengecat rim basikal dengan cat hitam.
- ii. Mewarnakan bebola polistrin planet-planet dengan warna air mengikut warna yang telah ditetapkan (kanak-kanak diberikan kad imbas planet sebagai rujukan untuk mewarna).
- iii. Membuat cincin planet Zuhal menggunakan pinggan kertas dan melekatkan pada bebola polistrin planet Zuhal.
- iv. Melekatkan lidi di setiap bebola polistrin dan dikemaskan menggunakan 'cable tie' pada rim tersebut.
- v. Melekatkan mentol di tengah-tengah rim.
- vi. Roda solar diletakkan di atas tapak yang boleh memusingkan roda.
- vii. Nyalakan mentol dan memutarakan roda solar.

3. Guru meminta kanak-kanak menceritakan tentang sistem suria dalam Roda Solar.

Nota:

* Guru mengambil langkah-langkah keselamatan, memakai pelindung muka dan cermin mata keselamatan semasa menggunakan spray. Keperluan PPE (personal protective equipment).

*Guru boleh menyediakan BBM berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian.